

11 SEP 2003

OIC-Forum/I

DR MAHATHIR AKAN MENYAMPAIKAN UCAPTAMA PADA FORUM PERNIAGAAN OIC

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap tama pada pelancaran Forum Perniagaan OIC Ke-10 di Hotel Putrajaya Marriot selama dua hari dari 15 hingga 16 Oktober.

Perdana Menteri akan menyampaikan ucap tama itu bertajuk "Ke Arah Satu Pembaharuan Semula OIC : Satu Agenda Untuk Keamanan dan Kemakmuran" pada hari pertama forum itu yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam Ke-10 yang dihoskan Malaysia dari 11 hingga 18 Okt.

Dr Mahathir akan juga mengadakan dialog setengah jam dengan para peserta selepas beliau menyampaikan ucap tama pada forum itu.

Pengerusi jawatankuasa penganjur forum itu Datuk Dr Michael Yeoh berkata, Presiden Pakistan Jeneral Pervez Musharraf dan Perdana Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia juga bersetuju berucap pada forum itu.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran forum itu dan menandatangani antara penganjur forum dengan 20 perkongsian acara. Majlis itu dilancarkan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di sini hari ini.

Forum itu dianjurkan Institut Strategi dan Kepimpinan Asian (ASLI) dengan kerjasama Kementerian Luar, OIC dan Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (Massa).

Yeoh berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan juga berucap pada forum itu pada hari pertama yang bertajuk "Mempromosikan Kefahaman Islam Menerusi Perdagangan dan Pelaburan."

Selain ketua-ketua kerajaan, terdapat juga beberapa menteri kabinet negara anggota OIC dan ketua-ketua syarikat utama akan juga berucap pada forum itu.

"Di samping itu, program itu telah menyediakan Sesi Bengkel Paralel Sektor yang memfokuskan sektor ekonomi utama yang mempunyai potensi untuk bekerjasama rapat dan perkongsian strategik," kata beliau.

Beliau berharap hasil daripada forum itu boleh digunakan sebagai input kepada pemimpin sidang kemuncak OIC.

Forum itu akan menangani isu dan cabaran yang timbul daripada globalisasi, merapatkan jurang digital, perkongsian pintar antara sektor awam dan swasta, instrumen kewangan Islam yang dinamik dan potensi global dan meningkatkan integrasi ekonomi untuk faedah ummah Islam.

(Untuk berita-berita mengenai sidang kemuncak OIC Putrajaya, sila layari juga laman web [www.bernama.com/OIC summit](http://www.bernama.com/OIC_summit)).

-- BERNAMA

HK AHH BK